

21 OCT 2002

Kereta Kabel (EMBARGO: Rabu/23 Oktober - Bergambar)

KERETA KABEL MENINGKATKAN TARIKAN PELANCONG KE LANGKAWI

Laporan Khas Oleh: Noor Hammad Wariman

LANGKAWI: Pulau Pelancongan Langkawi dengan kebiruan air laut dan pasir pantai yang halus memutih akan memiliki satu lagi daya tarikan pelancong menjelang 1 November depan.

Pada tarikh itu perkhidmatan kereta kabel yang ditunggu-tunggu selama ini akan memulakan operasinya yang sekali gus memberi peluang kepada pelancong menikmati keindahan panorama keseluruhan pulau ini serta kehijauan banjaran Gunung Machinchang dari udara.

Perkhidmatan yang dicetuskan oleh ide Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membawa pelancong ke puncak gunung berkenaan, daripada mana mereka dapat melihat pulau Tarutao dan pantai Satun di Thailand.

Perdana Menteri mendapat ide berkenaan ketika menaiki helikopter melintasi banjaran Gunung Machinchang sempena satu lawatan ke Langkawi pada 1999.

Projek kereta kabel berharga RM46 juta itu yang menghubungkan sebuah kompleks membeli belah bersepadu dan Perkampungan Oriental di Teluk Berau dengan Gunung Machinchang merupakan sebuah projek usahasama antara Dopple-Mayer dari Austria dan sebuah syarikat tempatan.

Selain mendengar cerita-cerita dongeng tentang gunung berkenaan, pelancong juga berpeluang menikmati keindahan Taman Geologinya yang berpotensi diwartakan sebagai sebuah taman warisan dunia.

#### PEMANDANGAN DARI PUNCAK

Perjalanan 15 minit ke puncak gunung itu mungkin tidak sesuai bagi yang lemah semangat, tetapi keindahan pemandangan hutan simpan dara seluas 4,167 hektar serta Air Terjun Telaga Tujuh yang penuh lagenda di bawahnya pasti memukau pandangan.

Satu keistimewaan yang jarang ada pada sesebuah perkhidmatan kereta kabel ialah "stesen sudut" di pertengahan perjalanan menuju ke puncak gunung di mana gondola akan membuat pusingan 45 darjah untuk tiba di kemuncaknya yang dilengkapi dengan lebih banyak pelantar tinjau dan laluan pejalan kaki.

Penumpang diberi pilihan untuk turun di kedua-dua stesen itu untuk berjalan-jalan sambil menikmati keindahan pemandangannya.

"Keindahan semula jadi dan mercu seumpama itu jarang terdapat dalam kombinasi sedemikian," kata pengurus besar Langkawi Cable Car Sdn Bhd, Teoh Cheng Kung.

Tambang turun naik kereta kabel itu ialah RM15 untuk orang dewasa dan RM10 untuk kanak-kanak.

#### KEPAKARAN KEJURUTERAAN

Teoh berkata, sistem kereta kabel gondola yang dipilih, yang memberi ruang rentangan sehingga lebih 900 meter dan "stesen sudut" adalah dua alternatif yang paling realistik bagi disesuaikan dengan keadaan sukar yang terdapat di Machinchang. Pilihan lain didapati tidak serasi daripada segi alam sekitar atau teknikal.

Pada peringkat awal projek itu, bahan binaan terpaksa diangkut ke tempat kerja di puncak gunung dengan helikopter atau kabel tambahan kerana kedua-dua kaedah itu paling mesra alam dan kurang mendatangkan kerosakan, katanya.

Menurut Teoh, pelan induk bagi Gunung Machinchang menggabungkan semua

elemen menarik dengan sistem kereta kabel ke dalam satu konsep yang padu di mana ia memberi peluang kepada pengunjung untuk laluan terkawal ke:

- \* beberapa pelantar panorama 360 darjah;
- \* galeri menonton daripada batu-batu yang dramatik;
- \* muzium sains yang dilengkapi bahan pameran multimedia dan interaktif;
- \* tapak semaian, dan
- \* menara tinjau hidupan liar serta "kurungan haiwan" tontonan.

Fasa kedua pembangunan projek kereta kabel itu termasuk restoran, kemudahan rekreasi, jambatan gantung merentangi "Lembah Panther" dan di tepi "funnel", dua elemen semulajadi di kawasan itu yang bakal dinamakan "Taman Alam Semulajadi Machinchang".

Perunding Projek Dr Peter A. Wyss berkata, sistem itu menggunakan teknologi tercanggih dengan penekanan kepada aspek keselamatan yang termasuk empat sistem sokongan bagi memastikan gondola boleh ditarik balik ke setesen utama pada bila-bila masa.

"Pengunjung diberi jaminan menaiki kereta kabel itu adalah satu kenangan abadi yang selamat dan menyenangkan," katanya.

#### DI ATAS RABUNG HUTAN

Menurutnya, jarak antara stesen utama dan puncak Gunung Machinchang ialah 2.2 km dan penumpang kereta kabel berada kira-kira 70 meter di atas rabung hutan Banjaran Machinchang.

Terdapat tiga stesen sepanjang jarak itu iaitu sebuah di bumi dekat Perkampungan Oriental, sebuah di puncak gunung dan sebuah lagi berhampiran rabung timur.

Terdapat juga tiga tempat di mana pengunjung boleh menaiki kereta kabel itu iaitu di bumi, pertengahan perjalanan dan stesen puncak.

Kesemua 35 gondola yang digunakan berupaya membawa 700 penumpang setiap jam.

Dr Wyss berkata, ketinggian menara gantung yang dipasang antara stesen pertengahan dan puncak ialah 905 meter.

Projek itu telah mendapat kelulusan EIA.

Katanya, Gunung Matchinchang tidak mempunyai laluan pendakian kerana ia terlalu curam. Kereta kabel adalah pilihan terbaik untuk ke puncaknya, sekali gus mengekalkan keaslian hutan rimbanya.

Dr Wyss berkata, taman berkenaan mempunyai nilai pendidikan yang tinggi untuk menyelidiki geologi dan nilai botani yang lebih tinggi dengan wujudnya pelbagai tumbuhan seperti orkid liar di hampir seluruh permukaan gunung.

Beliau menjangkakan 70 peratus daripada pengunjung Langkawi akan mengambil kesempatan menaiki kereta kabel itu.

#### PRODUK PELANCONGAN

Dr Wyss yang mengetuai satu pasukan perunding untuk meninjau gunung itu pada tahun 2000 berkata, mereka telah mengesan potensinya yang amat baik dan yakin projek kereta kabel akan menambah satu tambahan besar kepada pelbagai produk pelancongan yang sedia ada di pulau lagenda itu.

Gunung Matcinchang mempunyai fosil batu pasir tertua di negara ini, di samping sebuah kawah dan dua puncak tegak yang boleh menampungi pemandangan ke seluruh pulau peranginan ini serta 99 buah pulau kecil di sekelilingnya.

Ketika mengunjungi projek itu baru-baru ini, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul KAdir Sheikh Fadzir berkata, perkhidmatan kereta kabel bakal menjadi daya tarikan utama Langkawi dan akan muncul sebagai sebuah destinasi "mesti dikunjungi".

Katanya, sebuah muzium mini akan dibina untuk mempamerkan pelbagai batu batan yang ditemui di gunung itu yang berusia kira-kira 500 juta tahun, di antara yang tertua di rantau ini.

#### KEMUDAHAN BEBAS CUKAI

Stesen bumi perkhidmatan itu yang bersambung dengan kompleks membeli belah bersepadu atau kompleks "teater runcit" di Perkampungan Oriental akan menyediakan persekitaran urusan perniagaan runcit bermutu tinggi untuk menjadikan Langkawi sebuah destinasi utama pelancong.

Perkampungan Oriental telah direkacipta khas bagi menyediakan sebuah konsep baru membeli belah di kawasan percutian yang bebas cukai, sejajar dengan matlamat kerajaan menarik lebih ramai pelancong ke sini sambil meningkatkan reputasi Langkawi sebagai kawasan membeli belah bebas cukai yang terbaik di rantau ini.

Lebih 30 kedai khas juga akan menawarkan pelbagai produk termasuk barangan berjenama.

Setiap kedai telah direkabentuk bagi menyediakan suatu pengalaman membeli belah yang merangsang serta unik, disokongi pula oleh restoran bertaraf tinggi dan sederhana yang menyajikan masakan istimewa China, Thailand dan Melayu.

Pelancaran awal projek kereta kabel yang berlangsung selama enam hari bermula Khamis lepas jelas menampakkan sambutan yang sungguh menggalakkan. Perasmian projek itu akan dilakukan Dr Mahathir pada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian. -- Bernama

NH KGO AM